

→ TRAGEDI

Oleh Nazura Ngah, Suzianah Jiffar, Mohd Reji Kawi, Safeek Affendy Razali, Mohd Iskandar Ibrahim, Ahmad Johari Ali, Nadia Hamid, Nor Azizal Mokhtar, Hazwan Faisal Mohamad, Farah Marshita Abdul Patah, Mahani Ishak, Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak, Ahmad Suhael Adnan, Wan Noor Hayati Wan Alias, Irah Hafiz Aziz, Faris Fuaad, Fazrik Kamarudin, Zuliaty Zulkiffli, Nur Afiradina Arshad dan Mohd Farkhan Abdul Ghapar. Foto Mohd Yusni Ariffin, Sairren Nafis, Rosdan Wahid, Zunnur Al Shafiq, Mohamad Shahri Badri Saali dan Luqman Hakim Zubir/bhj
bhnews@bh.com.my

TRAGEDI
MAHAD TAHFIZ

23 pelajar, guru terkorban

➔ Kebakaran pusat tahfiz tragedi terburuk dekad ini

► Kuala Lumpur

Seramai 23 pelajar dan guru Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Jalan Keramat Hujung di sini, awal pagi semalam, maut dalam kebakaran yang dianggap terburuk dekad ini.

Sebahagian mangsa ditemui rentung, manakala beberapa lagi lemas akibat terhidu asap selepas dikatakan terperangkap di dalam banglo tiga tingkat yang dipasang jeriji pada tingkat dan pintu masuknya, dalam kejadian jam 5.10 pagi itu.

Ketika kejadian, difahamkan 36 pelajar berada di dalam bangunan itu. Enam lagi cedera, termasuk dua pelajar yang kritikal.

Mayat semua mangsa berusia 6 hingga 16 tahun kini ditempatkan di bilik mayat Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk proses pengecaman identiti, selain ujian asid deoksiribonukleik (DNA), manakala yang cedera turut diberi rawatan keceemasan.

Sebaik berita tragedi itu tersebar, pekarangan HKL dipenuhi ahli keluarga dan saudara mara untuk mengetahui nasib orang tersayang mereka.

Difahamkan, bangunan itu tidak memenuhi aspek keselamatan di-

tetapkan, hanya mempunyai satu laluan keluar dan masuk serta tidak mempunyai kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Mangsa bertindih, berpelukan

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ibrahim, berkata semua mangsa ditemui dalam keadaan bertindih dan berpelukan di sudut kiri dan kanan tingkat tiga yang juga asrama pusat berkenaan.

"Berdasarkan maklumat awal diterima, semua mangsa dipercayai cuba menyelamatkan diri, namun gagal. Bagaimanapun, beberapa pelajar dan empat guru yang berada di tingkat dua sempat menyelamatkan diri," katanya selepas melawat lokasi kejadian, semalam.

Kejadian menjelang subuh itu mengulangi tragedi hampir sama yang pernah mengemparkan negara 28 tahun lalu di Sekolah Agama Rakyat Taufiqiah Al-Khairiah Al-Halimiah atau lebih dikenali sebagai Pondok Pak Ya di Kampung Padang Lumut, Yan, Kedah.

Dalam kejadian 22 September 1989 itu, 27 pelajar perempuan sekolah itu maut dalam keadaan sunguh tragis selepas terperangkap dalam lapan asrama yang dihuni mereka terbakar.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd Noor Ibrahim, berkata keadaan katil dua tingkat yang tidak tersusun turut menjadi punca mangsa terperangkap semasa kebakaran.

"Berdasarkan pemantauan awal, kita dapati ada beberapa aspek ke-

selamatan diabaikan oleh pihak pengurusan, termasuk memasang jeriji besi di tingkat atas.

Aspek keselamatan diabaikan

"Terdapat pengabaian serius aspek keselamatan oleh kebanyakan pusat tahfiz dan sekolah pondok di negara ini.

"Meskipun banyak kejadian kebakaran berlaku di sekolah tahfiz, termasuk tragedi 1989, masih belum dijadikan pengajaran. Malah, mereka juga tidak mematuhi pelbagai syor dibentangkan Suruhanjaya Diraja (RCD) Mengenai Keselamatan Sekolah Agama yang ditubuhkan selepas tragedi itu," katanya.

Sementara itu, Pengetua Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Mohd Zahid Mahmud, berkata mereka sepatutnya berpindah ke bangunan lama yang sudah siap diubahsuai akhir bulan ini.

"Hanya tinggal dua minggu sebelum dipindahkan, mereka lebih awal dijemput Allah. Kita merancang, tetapi Dia ada perancangan lain. Bangunan ini milik orang lain dan digunakan sementara kerja pengubahsuaian bangunan lama kami siap," katanya.

Mohd Zahid berkata, pusat tahfiz itu diurus sepenuhnya oleh beliau sejak 15 tahun lalu dan berdaftar dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

"Insiden ini paling mendukacitakan dalam hayat saya apabila melihat mayat anak kecil dalam keadaan berpelukan, bertindih antara satu sama lain," katanya sebak.

Premis itu menempatkan 42 pelajar, enam guru dan dua warden

dari seluruh negara.

Menceritakan rutin harian pelajar, beliau berkata: "Selepas solat Isyak dan tazzkirah, pelajar akan dibenar berehat dan ketika kejadian biasanya adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

"Aktiviti memasak hanya di tingkat bawah. Kami tidak benarkan memasak adalah waktu bersiap untuk solat Subuh, tiada sesi kiamullah kerana mereka masih muda.

Seri Paduka ucap takziah

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga pelajar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang terbakar awal pagi tadi.

Dalam satu kenyataan, Datuk Pengelola Bijaya Negara Istana Negara, Datuk Wan Ahmad Dahlan Ab Aziz berkata, baginda turut menzahirkan rasa dukacita di atas tragedi kebakaran yang mengorbankan 21 pelajar dan dua guru tahfiz di pusat berkenaan.

Katanya, Sultan Muhammad V bertitah bahawa negara ketika ini sedang bersedih dengan tragedi terabait.

"Baginda juga menzahirkan ucapan takziah kepada ibu bapa dan seluruh ahli keluarga pelajar dan guru yang terkorban serta cedera dalam tragedi menyayat hati itu.

"Baginda berdoa semoga ahli keluarga terabait dengan tragedi menyedihkan ini diberikan kekuatan keimanan dan kesabaran atas ujian Allah ini," katanya.

TRAGEDI

Kronologi

Kes Kebakaran Pusat Tahfiz Di Seluruh Negara Sejak 2016

- 2017**
- 13 Januari** → Seorang murid tahfiz cedera dalam kebakaran asrama Pondok Nurul Iman di Kampung Tanjung Batu, Nenasi, Pekan.
- 16 Januari** → 113 pelajar Pusat Pendidikan Islam an-Nuur atau lebih dikenali Pondok an-Nuur di Pantai Sepat, Kuantan, hilang tempat tinggal selepas asrama mereka musnah terbakar. (Ini kejadian kedua selepas kejadian pertama pada tahun 2006)
- 7 Februari** → 73 pelajar perempuan Sekolah Agama Maran di Pahang tinggal sehelai sepinggang apabila asrama mereka musnah sepenuhnya dalam kebakaran.
- 28 Februari** → 40 pondok kediaman yang menempatkan 100 pelajar di Pondok Al-Baghdadi, Tumpat, musnah dalam kebakaran.
- 17 April** → 10 pondok pelajar Pusat Pengajian Pondok Seri Permai, Permatang Sungkai di Pasir Puteh, Kelantan, musnah dalam kebakaran.
- 30 April** → 30 pelajar Mahaad Tahfiz Al-Quran Al-Ismaillah Mukim Lalang, Banggol Chicha, Pasir Mas, tinggal sehelai sepinggang apabila asrama mereka musnah dalam kebakaran.
- 3 Julai** → Bilik stor di bawah tingkat asrama yang didiami 68 pelajar perempuan di Sekolah Agama Maahad Al-Islah di Teluk Intan, Perak, musnah di-jilat api.
- 4 Julai** → 18 pondok penginapan Madrasah Addiniyah Al-Latifiah di Pengkalan Hulu, Kelantan yang menempatkan 66 penuntut musnah dalam kebakaran.
- 30 Julai** → Dua blok asrama lelaki Maahad Tahfiz Al-Barakah di Sepang musnah dalam kebakaran.
- 14 September** → 21 pelajar dan dua guru maut dalam kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Ujung, di Kuala Lumpur.
- 2016**
- 18 Januari** → Bangunan dua tingkat Madrasah Tahfiz Al-Redzuan musnah dalam kebakaran di Kampung Dato Ahmad Razali, Dengkil.
- 7 Mac** → 60 pelajar Maahad Tahfiz Darul Itqan Al-Muhammadi hilang tempat tinggal apabila asrama mereka musnah dalam kebakaran di Sabak Bernam.
- 3 Mac** → Asrama pelajar Maahad Tahfiz at-Tijarah di Bukit Idaman di Selayang, antara yang musnah dalam kebakaran rumah kedai tiga tingkat.
- 11 Mei** → Bangunan dua tingkat asrama Madrasah Tahfiz Al-Quran Raudhatul Ulum, Bagan Selat, Butterworth musnah dalam kebakaran.
- 18 Jun** → Asrama Madrasah Diniyah Bakriah Pondok Pasir Tumbuh yang menempatkan lebih 50 penghuni hangus dalam kebakaran.
- 21 September** → Pondok lama di Maahad Tahfiz Daril Naim, Pangkal Kala, Melor, di Kota Bharu, musnah terbakar.



Pegawai bomba dan penyelamat memeriksa bangunan Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang terbakar.



Ahli keluarga dan waris berkumpul di tempat kebakaran sementara menunggu mangsa yang rentung dikeluarkan dari bangunan.




Keadaan kawasan kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah (bangunan bercat kuning) di Jalan Keramat Ujung, Kuala Lumpur, semalam.

Info

Senarai mangsa rentung

- Muhammad Danieal Md Amin, 14
- Ahmad Rijal Mohammad Rodzi, 13
- Muhammad Hasrullah Ismaik, 14
- Muhammad Haikal Abdullah, 12
- Muhammad Aidil Aqmal Mohd Zamzuri, 10
- Muhammad Fahmie Abdullah, 11
- Muhammad Afiq Haqimie Hairulizwan, 11
- Muhammad Aiman Ramzanudin, 12
- Azkar Dariemi F. Zaska, 8
- Nik Muhammad Ridzuan Nik Azlan
- Azkar Abiedi F. Zaska, 11
- Umar Al Khatab Helmi, 6
- Amiel Asyraf Abd Rasid, 11
- Muhammad Nizamuddin Nasrun, 13
- Muhammad Hafiz Iskandar Sulaiman, 11
- Muhammad Harris Ikhwani Mohd Sulaiman, 10
- Muhammad Taufik Hidayat Norazizan, 16
- Ahmad Harith Adam Mohd Nor Hadi, 12
- Muhammad Hazim Ahmad Nor, 13
- Muhammad Syafik Haikal Abdullah, 13
- Muhammad Zattulah Roslan, 11
- Mohd Yusuf Md, 26 (guru)
- Mohd Amrul Nizam Sakarno, 25 (guru)

21 PELAJAR 2 GURU MAUT PUSAT TAHFIZ DARUL QURAN ITTIFAQIYAH TERBAKAR



- 1. Sebahagian mangsa terkorban akibat sesak nafas dan lemas akibat terhidu asap
- 2. Beberapa mangsa ditemui dalam keadaan bertindih antara satu sama lain
- 3. 6 cedera, termasuk seorang awam
- 4. 36 pelajar berada di pusat tahfiz ketika kejadian

A B C
Lokasi mayat ditemui

Kejadian berlaku Jam 5-10 pagi